



28 APR, 2025

TNB mampu tingkat keupayaan di luar negara

Berita Harian, Malaysia



TNB mampu tingkat keupayaan di luar negara

Newcastle: Tenaga Nasional Bhd (TNB) mampu mengembangkan dan terus meningkatkan keupayaannya dalam bidang tenaga di luar negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata pelaburan TNB dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) di sini menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia untuk melabur dan mengembangkan sayap di peringkat antarabangsa.

Katanya, pelaburan itu dibuat menerusi syarikat milik penuh TNB, Vantage RE Ltd (Vantage RE).

“Syabas dan tahniah kepada TNB kerana telah meneroka dan mengembangkan sayap mereka ke peringkat antarabangsa, khususnya di United Kingdom (UK).



Fadillah melawat Blyth Offshore Windfarm di Newcastle, UK, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

“UK ini luas termasuk di Ireland, Scotland dan sebagainya.

“Ini menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia akhirnya memberi pulangan bukan sahaja kepada TNB, malah kepa-

da negara dari segi pelaburan luar,” katanya kepada pemberita selepas melawat Blyth Offshore Windfarm di sini, kelmarin.

Yang turut hadir Pegawai Tenaga Baharu TNB, Mohd Zarihi

Mohd Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy Bhd, Datuk Sharbini Suhaili.

Fadillah berharap lebih banyak syarikat, terutama berkaitan kerajaan (GLC) dan pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melihat potensi pelaburan di luar negara.

Ladang angin luar pesisir berkapasiti 41.5 megawatt (MW) dan mula beroperasi pada 2017 itu terletak kira-kira 6.5 kilometer dari pesisir pantai.

Vantage RE memiliki 49 peratus pegangan saham BODL, juga adalah pemilik ladang itu.

Vantage RE mengendalikan dan membangunkan portfolio aset tenaga boleh baharu TNB sebanyak 1.3 gigawatt di UK dan Ireland.

Pengurusan dan pembangunan aset tenaga boleh baharu ini membabitkan kepakaran TNB bersama kemahiran tem-

patan di UK.

Baru-baru ini, Vantage RE juga sudah membina 100 MW ladang solar di UK yang akan dilengkapi sistem penyimpanan bateri tenaga pada masa depan.

Dengan kemahiran diperoleh, TNB dapat menerajui dan menjadi pemangkin industri tenaga boleh baharu di Malaysia.

Mengenai penyertaan negara pada Sidang Kemuncak mengenai Keselamatan Tenaga selama dua hari di Lancaster House yang berakhir Jumaat lalu, Fadillah berkata, ia peluang terbaik Malaysia mempelajari teknologi terkini mengenai tenaga baharu.

Selain itu, beliau berkata, sidang kemuncak itu memberi peluang kepada Malaysia untuk menyuarakan komitmen terhadap penjagaan alam sekitar, mengembangkan jalinan dari segi teknologi dan kepakaran.

BERNAMA